

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

PEMERIKSAAN HAIWAN

No Dokumentasi: APTVM 23(e):1/2013

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar	2
1.0 Pengenalan	3
2.0 Objektif	3
3.0 Skop	3
4.0 Rujukan	4
5.0 Definisi	4
6.0 Kata Singkatan	5
7.0 Arahan Prosedur Tetap Pemeriksaan Haiwan	6
8.0 Rekod	9
9.0 Pengkalan Data	9
Lampiran 1 : Carta Alir Pemeriksaan Untuk Lembu/Kerbau/Kambing/ Bebiri/ Kucing/Anjing/ Kuda/ Unggas dan Lain-lain	10
Lampiran 2 : Senarai Semak Pemeriksaan Haiwan	11
Lampiran 3 : Senarai Penyakit yang Perlu Diberi Perhatian untuk Ternakan Lembu / Kerbau dan Kambing/ Bebiri	12
Lampiran 4 : Senarai Penyakit yang perlu diberi perhatian untuk ternakan ayam/ itik	13
Lampiran 5 : Senarai Penyakit yang perlu diberi perhatian untuk ternakan babi	14
Lampiran 6 : Rekod Penemuan Pemeriksaan Haiwan	15

Lampiran 7	:	Borang A1 – Rekod Pemeriksaan Haiwan	17
Jawatankuasa Penyediaan APTVM Pemeriksaan Haiwan			18
Penghargaan			19

ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Pemeriksaan haiwan pada keseluruhannya, merupakan sebahagian daripada perkhidmatan veterinar yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS). Perkhidmatan tersebut yang meliputi pelbagai skop dari tujuan pemeriksaan untuk pengeluaran Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) sehingga ke pemeriksaan ante-mortem untuk penyembelihan dapat memastikan sesuatu tujuan itu terhasil dari ternakan haiwan yang terjamin kesihatan dan kebaikannya. Peranan ini selaras dengan objektif Jabatan untuk memastikan haiwan yang dikendalikan sihat atau tidak berpenyakit, mematuhi piawaian kebaikan dan tidak menjadikan kesihatan haiwan lain mahupun manusia (bagi penyakit zoonotik) dan hasilan berasaskan daging sentiasa bersih, suci dan selamat untuk pengguna.

Perkhidmatan ini, pada keseluruhannya perlu dipikul oleh semua Pihak Berkuasa Veterinar yang dilantik. Maaksemua pihak samada di peringkat negeri dan juga persekutuan yang menjalankan aktiviti pemeriksaan haiwan untuk sebarang aktiviti dan tujuan adalah diharapkan dapat mengambil APTVM ini sebagai panduan asas, rujukan dan penyediaan senarai semak bagi melaksanakan aktiviti yang dirancangkan.

Demi untuk memastikan perkhidmatan haiwan diberikan dengan berkesan dan konsisten, maka semua pihak yang terlibat diharap dapat mematuhi prosedur kerja yang seragam seperti yang terkandung di dalam APTVM ini. Tugas ini pula disokong dengan pengendalian rekod yang cekap hingga berupaya menjana bukti kukuh kepada pengeluaran atau penerbitan sebarang dokumen veterinar yang berkaitan dan SKV yang berwibawa.

Selaras dengan usaha memperbaiki dan memperkuatkannya penyampaian perkhidmatan DVS dan meningkatkan ketelusan dan keutuhan perlaksanaannya, APTVM Pemeriksaan Haiwan ini dikeluarkan. Maka dengan ini diarahkan kepada semua anggota DVS yang menjalankan pemeriksaan haiwan untuk mengikuti garis panduan dalam APTVM ini.

DATUK DR. ABD AZIZ BIN JAMALUDDIN

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

MALAYSIA

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

PEMERIKSAAN HAIWAN

1.0 PENGENALAN

Pemeriksaan haiwan oleh Pihak Berkuasa Veterinar (PBV) adalah merupakan salah satu perkhidmatan yang penting bagi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS). Ianya bertujuan untuk memastikan haiwan yang sihat sahaja dibenarkan untuk pemeliharaan , pembedakan, perpindahan atau penyembelihan. Pemeriksaan haiwan boleh dijalankan dengan membuat pemeriksaan kesihatan haiwan samada melalui pemerhatian, secara fizikal atau melalui pengujian sampel dari haiwan tersebut . Ini adalah untuk menjamin tiada penularan penyakit berjangkit dan zoonotik serta kebaikannya terjamin. Pemeriksaan haiwan juga menjadi elemen paling penting dalam urusan pengeluaran Sijil Kesihatan Veterinar (SKV). Penyelaras dan penyeragaman penyampaian perkhidmatan veterinar dalam pemeriksaan haiwan dapat meningkatkan mutu perkhidmatan DVS dan seterusnya dapat meningkatkan keyakinan pelanggan.

2.0 OBJEKTIF

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTVM) bagi Pemeriksaan Haiwan ini bertujuan dijadikan garis panduan bagi:

- 2.1 Mengadakan satu arahan tetap untuk kerja pemeriksaan kesihatan dan kebaikan haiwan untuk pengeluaran Sijil Kesihatan Veterinar (SKV).
- 2.2 Membuat pemeriksaan kesihatan haiwan untuk mengelakkan sebarang penularan penyakit haiwan yang berjangkit dan zoonotik.
- 2.3 Memastikan haiwan atau ternakan yang akan dipindahkan dari satu lokasi ke satu lokasi yang lain samada untuk tujuan pembedakan, pemeliharaan, penyembelihan atau pemeliharaan haiwan kesayangan adalah sihat dan kebaikannya terjamin.
- 2.4 Digunakan oleh semua PBV yang menjalankan kerja pemeriksaan kesihatan haiwan atau ternakan di lapangan.

3.0 SKOP

APTVM bagi Pemeriksaan Haiwan ini mengandungi definisi, arahan, prosedur pemeriksaan haiwan, rekod dan pengkalan data. APTVM ini akan menjelaskan prosedur kerja pemeriksaan kesihatan haiwan di kuarantin, ladang, rumah sembelih dan loji pemerosesan serta premis haiwan kesayangan. Ianya meliputi pemeriksaan ke atas semua haiwan berikut:

- 3.1 Lembu/ kerbau dan kambing/ bebiri,
- 3.2 Unggas (ayam / itik) ,
- 3.3 Babi

- 3.4 Kuda,
- 3.5 Haiwan kesayangan (anjing dan kucing), dan
- 3.6 Haiwan yang dikurung atau di bawah kawalan (lain-lain).

4.0 RUJUKAN

- 4.1 Akta Binatang 1953 (Akta 647)
 - 4.1.1 Subseksyen 8(3) pemeriksaan atas pengangkutan semasa import
 - 4.1.2 Seksyen 16 - pemeriksaan untuk eksport
 - 4.1.3 Subseksyen 18 (1) dan (2) - pemeriksaan penyakit
 - 4.1.4 Subseksyen 36 (1) (vi) - pemeriksaan kawalan penyakit
 - 4.1.5 Subseksyen 36 (2) - penyiasatan penyakit
 - 4.1.6 Seksyen 45 dan 48 - pemeriksaan kekejaman
 - 4.1.7 Subseksyen 59 (1) - pemeriksaan lembu pembaka
 - 4.1.8 Seksyen 67 - pemeriksaan haiwan yang berpenyakit dan dizalimi
- 4.2 APTVM Penyediaan Sijil Kesihatan Veterinar (No: 20b:2009)
- 4.3 APTVM International Equine Competition (No:17(h) : 1 /2010)
- 4.4 APTVM Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan dan Produk Haiwan (No: 20a(1):2009)
- 4.5 APTVM Perubatan Veterinar (No: 22(c):2010)
- 4.6 APTVM Pendaftaran Veterinawan Bertauliah (No: 18a(1) : 2009)
- 4.7 OIE Terrestrial Animal Health Code

5.0 DEFINISI

5.1 Pihak Berkuasa Veterinar

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, mana-mana Pegawai Veterinar, Timbalan atau Penolong Pegawai Veterinar dan termasuk mana-mana orang yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri untuk menjadi Pihak Berkuasa Veterinar di bawah Seksyen 3 Akta Binatang 1953 (Akta 647).

5.2 Veterinawan Bertauliah

Veterinawan yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia serta memiliki Sijil Amalan Tahunan yang sah dan ditauliahkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia serta didaftarkan dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi menjalankan tugas tertentu dalam skop tanggungjawab, dan arahan seperti dalam APVTM Pendaftaran Veterinawan Bertauliah.

5.3 Pemeriksaan Kesihatan Am atau Fizikal

Pemeriksaan kesihatan am ialah pemeriksaan kesihatan asas atau keseluruhan untuk status kesihatan yang dijalankan dengan membuat penilaian ke atas haiwan dengan mengenalpasti tanda-tanda klinikal sebarang penyakit yang jetas sekiranya kelihatan semasa pemeriksaan.

5.4 Haiwan

Semua binatang termasuk lembu, kerbau, kambing, bebiri, kuda, babi, rusa, anjing, kucing, unggas serta mana-mana binatang yang dikurung atau di bawah kawalan, pada sebarang umur dan jantina.

5.5 Pemeriksaan Ante-mortem

Pemeriksaan kesihatan am yang dilakukan ke atas haiwan yang masih hidup sebelum haiwan itu dimatikan. Pemeriksaan ante-mortem dijalankan secara pemerhatian fizikal untuk memastikan tahap kesihatan haiwan adalah baik bagi tujuan penghasilan daging selamat untuk pengguna.

5.6 Sijil Kesihatan Veterinar

Dokumen yang mengesahkan kesihatan haiwan untuk membolehkan haiwan dipindahkan dari satu tempat ke tempat lain dan menjadi dokumen rujukan utama dan yang paling akhir dikeluarkan oleh mereka yang bertanggungjawab.

6.0 KATA SINGKATAN

- | | |
|--------------|---|
| 6.1 APTVM | - Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia |
| 6.2 APTVM-PH | - Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia Pemeriksaan Haiwan |
| 6.3 BSE | - Bovine Spongiform Encephalopathy |
| 6.4 CLA | - Caseous Lymphadenitis |
| 6.5 DVS | - Jabatan Perkhidmatan Veterinar |
| 6.6 HPAI | - Highly Pathogenic Avian Influenza |
| 6.7 IB | - Infectious Bronchitis |
| 6.8 ILT | - Infectious Laryngotracheitis |
| 6.9 JE | - Japanese Encephalitis |
| 6.10 OIE | - World Organisation for Animal Health |

6.11	MCF	- Malignant Catarrhal Fever
6.12	PBV	- Pihak Berkuasa Veterinar
6.13	PD	- Pregnancy Diagnosis
6.14	PARS	- Porcine Respiratory and Reproductive Syndrome
6.15	SKV	- Sijil Kesihatan Veterinar
6.16	SOP	- Standard Operating Procedure
6.17	TB	- Tuberkulosis
6.18	VB	- Veterinawan Bertauliah

7.0 ARAHAN PROSEDUR TETAP PEMERIKSAAN HAIWAN

7.1 Arahan Am

- 7.1.1 APTVM-PH ini digunakan oleh PBV atau VB yang menjalankan pemeriksaan semua spesis haiwan di semua negeri di Malaysia.
- 7.1.2 Tugas pemeriksaan haiwan adalah menjadi tanggungjawab kepada semua PBV.
- 7.1.3 Tugas pemeriksaan haiwan boleh juga dibuat oleh VB mengikut APTVM berkenaan,
- 7.1.4 Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS yang terlibat dalam aktiviti pencegahan, pengawalan dan pembasmian penyakit berkait rapat dengan tugas pemeriksaan haiwan bertanggungjawab sebagai penyelaras untuk Pemeriksaan Haiwan yang dijalankan oleh DVS di seluruh Malaysia,
- 7.1.5 Bahagian atau Unit Kesihatan Veterinar dan Unit Regulatori di DVS Negeri bertanggungjawab dalam perlaksanaan APTVM-PH di peringkat negeri.
- 7.1.6 Semua PBV atau VB yang membuat pemantauan kesihatan ternakan, penyiasatan penyakit, surveansi, vaksinasi, pengeluaran permit pemindahan atau pergerakan dan pengeluaran permit penyembelihan mesti membuat pemeriksaan haiwan sebelum menjalankan aktiviti tersebut dan merekodkan di dalam fail.
- 7.1.7 Pengeluaran SKV mestilah didahului dengan pemeriksaan haiwan bagi memastikan haiwan yang sihat sahaja yang disahkan untuk tujuan pembiakan, pemeliharaan dan Penyembelihan. (Rujuk APTVM Penyediaan Sijil Kesihatan Veterinar) .

7.2 Aspek Pemeriksaan

Pemeriksaan kesihatan asas merangkumi pemeriksaan(lihat Lampiran 1) seperti berikut:

- a) sistem peredaran darah,
- b) sistem saraf,
- c) mata dan telinga,

- d) sistem pernafasan,
- e) sistem otot,
- f) sistem pencernaan,
- g) sistem peranakan, dan
- h) sistem perkumuhan (urinari)

7.3 Teknik Pemeriksaan

7.3.1 Pengambilan maklumat haiwan dari pemilik haiwan

Pengambilan maklumat haiwan seperti jantina, pemakanan, penjagaan, pengambilan ubatan, kelakuan, habitat dan tanda klinikal yang dijumpai adalah penting sebelum tindakan seterusnya diambil. Maklumat ini dapat membantu dalam membuat diagnosis penyakit sekiranya ada.

7.3.2 Pemerhatian

Pemeriksaan haiwan dijalankan melalui pemerhatian. PBV atau VB perlu membuat pemerhatian luaran haiwan tanpa menyentuhnya. Ini dapat dilakukan dengan melihat pada skor badan (body score), kelainan kelakuan haiwan, atau kelainan pada bentuk asal atau apa-apa kelainan yang dapat dilihat pada badan haiwan tersebut.

7.3.3 Pemeriksaan Fizikal

Pemeriksaan fizikal perlu dijalankan dengan teknik sentuhan contohnya samada pempalpatan (palpation) atau auskultasi (auscultation). Pemeriksaan fizikal boleh dijalankan dengan alat-alat bantuan yang bersesuaian seperti stetoskop, lampu suluh bersaiz kecil (penlight), hemostat atau ophthalmoskop. Pemeriksaan hendaklah bersistematik berdasarkan sistem dan fungsi organ. Sila rujuk Lampiran 1.

7.3.4 Pengukuran

Penggunaan peralatan untuk mengukur atau menentukan parameter seperti suhu, berat atau kadar denyutan jantung dilakukan untuk mengesan sebarang kelainan pada haiwan melalui bacaan parameter yang diambil. PBV atau VB perlu menggunakan peralatan pengukuran seperti termometer, penlight, stetoskop, ophthalmoskop atau pita pengukur berat yang bersesuaian dengan jenis haiwan.

7.3.5 Persampelan dan ujian

Pengambilan sampel bersesuaian dengan spesis haiwan seperti sampel darah, serum, calitan kloaka, calitan nasal atau basuhan preputial untuk ujian makmal atau ujian menggunakan kaedah uji cepat (Rapid Test) adalah penting dalam pemeriksaan haiwan. Keputusan sampel yang diterima akan membantu PBV atau VB yang menjalankan pemeriksaan haiwan dalam diagnosis sesuatu penyakit. PBV atau VB perlu mengutip sampel dari haiwan untuk ujian saringan di makmal atau menggunakan Rapid Test Kit sekiranya perlu. Sampel hendaklah dikutip dengan teknik yang betul serta pengendalian yang betul untuk memastikan tidak ada keputusan false positive disebabkan oleh pencemaran silang, masa, suhu dan juga pengangkutan.

7.3.6 Pemberian rawatan (sekiranya perlu)

Rawatan atau suntikan vaksin perlu diberikan sekiranya perlu, Segala aktiviti rawatan perlu dicatatkan. (Sila rujuk APTVM Penyediaan Sijil Kesihatan Veterinar) .

7.3.7 Semakan rekod

Rekod pemeriksaan seperti program kesihatan haiwan, rekod pengeluaran, rekod data haiwan amatlah penting untuk melihat pengurusan dan kesihatan haiwan yang dipelihara.

7.4 Prosedur pemeriksaan haiwan

7.4.1 Semua PBV atau VB yang membuat perancangan berjadual atau di luar jadual yang menjalankan perkhidmatan veterinar di lapangan seperti aktiviti pencegahan, pengawalan dan pembasmian penyakit, perlu menjalankan pemeriksaan ke atas haiwan sebelum memberikan perkhidmatan veterinar yang berkaitan.

7.4.2 PBV atau VB perlu mengambil maklumat berkaitan haiwan yang akan diperiksa sebelum menuju ke tempat haiwan tersebut.

7.4.3 PBV atau VB perlu kenalpasti jenis spesis haiwan yang akan dikendalikan. Pastikan keperluan untuk peralatan pemeriksaan adalah bersesuaian dengan spesis haiwan yang diperiksa.

7.4.4 PBV atau VB hendaklah membuat temujanji dengan pemilik haiwan yang hendak diperiksa dan menyatakan tujuan pemeriksaan sebelum menjalankan pemeriksaan haiwan keseluruhan.

7.4.5 PBV atau VB perlu menjalankan pemeriksaan haiwan yang lengkap dengan mengikut teknik pemeriksaan yang betul dan sesuai.

7.4.6 PBV atau VB perlu mengambil maklumat haiwan daripada pemilik, membuat perhatian terhadap haiwan, membuat pengukuran parameter yang berkaitan, mengambil sampel sekiranya diperlukan, memberi rawatan (jika perlu) dan menyemak rekod haiwan yang berkaitan.

7.4.7 Aspek pemeriksaan haiwan mestilah merangkumi keseluruhan sistem haiwan seperti berikut:

- a) sistem peredaran darah,
- b) sistem saraf,
- c) mata dan telinga,
- d) sistem pernafasan,
- e) sistem otot,
- f) sistem penceraaan,
- g) sistem peranakan, dan
- h) sistem perkumuhan (urinari) .

Penekanan terhadap aspek pemeriksaan sistem ini perlu dibuat berdasarkan keperluan haiwan samada untuk pemeliharaan, pembiakan atau penyembelihan. Sila rujuk Senarai Semak Pemeriksaan Haiwan (Lampiran 2) .

- 7.4.8 Daripada penemuan pemeriksaan, PBV atau VB perlu membuat diagnosis penyakit haiwan sekiranya ada. Tanda-tanda klinikal haiwan tersebut perlu dikenalpasti dan disahkan dengan penyakit haiwan yang dijelaskan di dalam Akta Binatang 1953 (Semakan 2006) dan di dalam Lampiran 3, 4 dan 5.
- 7.4.9 PBV atau VB perlu mengesahkan haiwan tersebut sihat dan layak untuk tujuan samada pemeliharaan, pembiakan atau penyembelihan sekiranya tiada tanda kelainan atau tanda klinikal sesuatu penyakit.
- 7.4.10 SKV hendaklah dikeluarkan hanya pada haiwan yang sihat dan layak sahaja.

8.0 REKOD

- 8.1 PVB atau VB hendaklah merekod penemuan ketika Pemeriksaan dengan tepat dan profesional (Lampiran 6) .
- 8.2 Segala rekod berkaitan pemeriksaan (Lampiran 7) hendaklah disimpan dalam fail secara kemas dan tersusun untuk tujuan pemeriksaan rekod dan rujukan pada masa depan.
- 8.3 Keputusan pemeriksaan hendaklah dikemukakan kepada pegawai yang berkenaan yang terlibat dalam mengeluarkan SKV.

9.0 PENGKALAN DATA

- 9.1 PBV yang melakukan pemeriksaan haiwan perlu mengisi maklumat perkhidmatan veterinar melalui sistem pelaporan elektronik yang akan ditentukan oleh DVS.

LAMPIRAN 1

Carta Aliran Pemeriksaan untuk Lembu/Kerbau/Kambing/Bebiri/Kucing/Anjing/ Kuda/ Unggas dan Lain-lain



LAMPIRAN 2

	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA	
SENARAI SEMAK PEMERIKSAAN HAIWAN		
Tarikh Pemeriksaan:	Rujukan:	
Nama Premis: No. Tel: No. Faks: E-mel:	Alamat Premis: Nama Pengurus / Pemilik: 1. 2. 3.	
Jenis Premis: (Ladang, Loji, Kuarantin, Rumah Sembelih)	Tujuan Pemeriksaan:	
Pegawai Pemeriksa DVS: 1. 2.	Tandatangan:	
Ulasan hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan:		

LAMPIRAN 3

Senarai Penyakit yang Perlu Diberi Perhatian untuk Temakan Lembu/Kerbau dan Kambing/Bebiri

1. Penyakit Kuku dan Mulut
2. Penyakit Johne's
3. Penyakit Bruselosis
4. Penyakit Melioidosis
5. Penyakit Foot Rot
6. Penyakit Hawar Berdarah
7. Penyakit Leptospirosis
8. Penyakit Lembu Gila (SSE)
9. Penyakit Antraks
10. Penyakit Contagious Ecthyma
11. Penyakit Blue Tongue
12. Penyakit Malignant Catarrhal Fever (MCF)
13. Penyakit Ephemeral Fever
14. Penyakit Caseous Lymphadenitis (CLA)
15. Penyakit Q Fever
16. Penyakit Tuberkulosis (TB)
17. Penyakit Rinderpest

LAMPIRAN 4

Senarai Penyakit yang Perlu Diberi Perhatian untuk Temakan Ayam/Itik

1. Penyakit Pulorum
2. Penyakit Newcastle
3. Penyakit Puru
4. Penyakit Gumboro
5. Penyakit Infectious Bronchitis (IB)
6. Penyakit Highly Pathogenic Avian Influenza (HPAI)
7. Penyakit Tuberkulosis (TB)
8. Penyakit Marek's
9. Penyakit Listeria
10. Penyakit Ornithosis
11. Penyakit Paratifoid
12. Penyakit Avian Leucosis Complex
13. Penyakit Botulism
14. Penyakit Salmonelosis
15. Penyakit Infectious Coryza
16. Penyakit Swollen Head
17. Penyakit Fowl Cholera
18. Penyakit Infectious Laryngotracheitis (ILT)

LAMPIRAN 5

Senarai Penyakit yang Perlu Diberi Perhatian untuk Temakan Babi

1. Penyakit Kuku dan Mulut
2. Penyaki Demam Babi
3. Penyakit Swine Erysipelas
4. Penyakit Foot Rot
5. Penyakit jangkitan virus Nipah
6. Penyakit Porcine Respiratory and Reproductive Syndrome (PRRS)
7. Penyakit African Swine Fever
8. Penyakit Melioidosis
9. Penyakit Aujesky's
10. Penyakit Bruselosis
11. Penyakit Salmonelosis
12. Penyakit Japanese Encaphalitis (JE)

LAMPIRAN 6

REKOD PENEMUAN PEMERIKSAAN HAIWAN

JENIS SPESIS: LEMBU/ KERBAU/ KAMBING/ BEBIRI/ KUCING/ ANJING/ BABI/ KUDA/ UNGGAS

(Sila tandakan yang berkaitan)

PEMERIKSAAN HAIWAN	Penemuan (Pemerhatian, Pemeriksaan fizikal, Pengukuran, Rekod)	Catatan (Pemberian rawatan/ Persampelan)
1. Kondisi haiwan		
2. Sistem Peredaran Darah (Jantung)		
3. Sistem Saraf		
4. Mata dan Telinga		
5. Sistem Pernafasan		

6. Sistem Otot		
7. Sistem Pencernaan		
8. Sistem Peranakan - Pemeriksaan Kebuntinginan (PD) jika ada		
9. Sistem Perkumuhan (Urinari)		

Diperiksa Oleh :

Tandatangan :

Jawatan :

No. Tel. :

Disahkan Oleh :

Tandatangan :

Jawatan :

No. Tel. :

Lampiran 7

JENIS TERNAKAN : BILANGAN : SUNTIKAN PELALIAN :	BORANG A1 REKOD PEMERIKSAAN HAIWAN				
---	---------------------------------------	--	--	--	--

BI.	NO. PENGENALAN	JANTINA	BADAN DAN KULIT/BULU	ALAT KELAMIN	SISTEM PERNAFASAN	PEMERIKSAAN KEBUNTINGAN	STATUS KESIHATAN	SAMPEL DARAH (jika ada)

TANDA TANGAN PEGAWAI :
NAMA
JAWATAN
TARIKH :

JAWATANKUASA PENYEDIAAN

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA PEMERIKSAAN HAIWAN

Penasihat : **Y.H. Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria**

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
(Kesihatan Veterinar)
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia

Disediakan oleh : **Dr. Rahmat bin S. M. Sheriff**

Timbalan Pengarah / Ketua Seksyen
Seksyen Pemeriksaan Veterinar
Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS

Dr. Rohaizan binti Mohd Anuar

Penolong Pengarah
Seksyen Pemeriksaan Veterinar
Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS

Hj Abdul Rahim bin Kamarudin

Penolong Pegawai Veterinar
Unit Pemeriksaan Veterinar Zon Utara
Seksyen Pemeriksaan Veterinar
Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS

En. Hoe Chee Siang

Penolong Pegawai Veterinar
Unit Pemeriksaan Veterinar Zon Utara
Seksyen Pemeriksaan Veterinar
Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS

PENGHARGAAN

Jutaan teima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam penyediaan APTVM ini, khususnya:

1. **Dr. Lim Yoke Sin**

Timbalan Pengarah / Ketua Seksyen
Seksyen Unggas
Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan

2. **Dr. Siti Salmiyah bt Tahir**

Timbalan Pengarah / Ketua Seksyen
Seksyen Tenusu
Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan

3. **Y.H. Dato'Mohamed Radzuan bin Malek**

Pengarah
Bahagian Penguatkuasa

4. **En. Soh Tian Siang**

Penolong Pengarah
Bahagian Penguatkuasa

Maklumat lanjut boleh didapati dengan menghubungi:

Bahagian Pengurusan Biosecuriti dan SPS,
Jabatan Perkhidmatan Veterinar,
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani,
Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62630 Putrajaya.

Tel : 03-8870 2000
Faks : 03-8888 6472
Email : pro@dvs.gov.my
Laman web : <http://www.dvs.gov.my>